



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LPL/600/Q02/2023

TAJUK SEBUT HARGA

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN (SEBUT HARGA SEMULA)

Tarikh Iklan : 29 Mac 2023

Tarikh Tutup : 17 April 2023 Jam 12.00 Tengahari

Kod Bidang : Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPIM (CIDB)/ dan mempunyai:-

- (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta
- (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Penyebut harga hendaklah berdaftar dalam gred, kategori dan pengkhususan seperti berikut:-

Gred : G1

Kategori : *Mechanical & Electrical Engineering*

Pengkhususan:-

E04- Pemasangan Voltan Rendah; Atau

E11- Kerja -Kerja Am Elektrik; Atau

E17- Kabel Bawah Tanah Voltan Rendah

LEMBAGA PELABUHAN LABUAN
D/A Lembaga Pelabuhan Bintulu
(Bintulu Port Authority)

Aras Lobi,5,8,9 & 10

Menara Kidurong

Jalan Tanjung Kidurong

97007 Bintulu

Sarawak Malaysia

Tel : 086-232815/ 086-232822

Faks: 086-251300

NOTIS SEBUT HARGA



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyeput harga yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	KELAYAKAN
LPL/600/Q02/2023 SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN (SEBUT HARGA SEMULA)	29 Mac 2023	17 April 2023 Jam 12.00 Tengahari	<p>Tarikh: 4 April 2023</p> <p>Masa: 10.00 Pagi</p> <p>Lokasi Pendaftaran: Lembaga Pelabuhan Labuan, Tingkat 3, Pejabat Pelabuhan Labuan, Di/A Jabatan Laut Wilayah Labuan & Laut China Selatan, Jalan Merdeka, Peti Surat 815005, 87012 Wilayah Persekutuan Labuan</p> <p>Encik Awgku Muhammad Zulhilmi Bin Awg Ma'raj 086-232851/ 014-8807753</p>	<p>Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) dan mempunyai:-</p> <p>(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p> <p>Penyebut harga hendaklah berdaftar dalam gred, kategori dan pengkhususan seperti berikut:-</p> <p>Gred : G1</p> <p>Kategori : <i>Mechanical & Electrical Engineering</i></p> <p>Pengkhususan:-</p> <p>E04- Pemasangan Voltan Rendah; Atau</p> <p>E11- Kerja -Kerja Am Elektrik; Atau</p> <p>E17- Kabel Bawah Tanah Voltan Rendah</p>

2. **Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai 29 Mac 2023 melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (**LPB**) di alamat www.bpa.gov.my.
3. **LPB** tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.
4. Kegagalan penyebut harga mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

5. Pihak **LPB** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.
6. Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
 - 6.1 Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi memberi kemudahan kepada penyebut harga untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga sebut harga. Dalam hal ini, sekiranya penyebut harga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan *pemakaian face mask* adalah perlu diteruskan. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat;
 - 6.2 Tempat, tarikh, masa dan pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti dalam Jadual di atas;
 - 6.3 Kegagalan penyebut harga menghadiri lawatan tapak boleh menyebabkan tawaran penyebut harga akan ditolak;
 - 6.4 Semasa menghadiri lawatan tapak, penyebut harga dikehendaki membawa Sijil Asal Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) yang telah disahkan oleh pegawai dari pejabat pengeluar;
 - 6.5 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkhan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPB** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan
 - 6.6 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-

**Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Sekyen Kewangan, Perolehan & Aset
Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu, Sarawak**

7. Sampul yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset seperti di alamat di atas sebelum atau pada 17 April 2023 jam 12.00 tengahari.
8. **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI
DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Lembaga pelabuhan bintulu (LPB) dan penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebut harga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB)/ dan mempunyai:-

- (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta
- (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Penyebut harga hendaklah berdaftar dalam gred, kategori dan pengkhususan seperti berikut:-

Gred : G1
Kategori : *Mechanical & Electrical Engineering*
Pengkhususan : E04- Pemasangan Voltan Rendah; Atau
E11- Kerja -Kerja Am Elektrik; Atau
E17- Kabel Bawah Tanah Voltan Rendah

3.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 3.1 Tempoh kontrak adalah selama **sembilan puluh (90) hari** mulai daripada tarikh Arahan Mula Kerja dikeluarkan.
- 3.2 Penyebut harga adalah **diwajibkan** untuk mengisi ruangan tarikh **penyerahan/penyempurnaan penghantaran** mengikut kemampuan penyebut harga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebut harga (Lampiran Q). Kegagalan penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada penyebut harga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI
DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

4.0 TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Dalam mengemukakan Sebut harga ini, pihak kontraktor adalah **WAJIB** untuk melawat tapak dan melihat keadaan dan persekitarannya dan telah memastikan atas dirinya, sebelum mengemukakan Sebut harga, sejauh mana dan secara mana kerja, peralatan dan bahan yang akan digunakan untuk melaksanakan kerja, kaedah komunikasi dan laluan ke tapak, dan secara am, telah mendapatkan untuk dirinya segala maklumat yang diperlukan yang meliputi risiko dan semua keadaan yang boleh mempengaruhi Sebut harganya.

Tiada pertimbangan untuk kos tambahan akan dilayan daripada penyebut harga atas alasan kurang pengetahuan dan maklumat tentang tapak dan persekitarannya jika Sebut harga diterima.

Mana-mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa (Superintending Officer, SO) tidak akan melepaskan penyebut harga dari tanggungjawabnya di bawah peruntukan klausu ini. SO tidak memberi apa-apa jaminan ke atas maklumat dan dokumen samada merujuk kepada kelengkapan atau kesahihannya ataupun secara man maklumat dan dokumen yang dikemukakan harus diterjemahkan. Penyebut harga hendaklah menggunakan dan menterjemahkan maklumat dan dokumen ini atas risikonya sendiri.

Butiran berkenaan lawatan tapak adalah seperti berikut:

Lokasi Pendaftaran : Lembaga Pelabuhan Labuan, Tingkat 3, Pejabat Pelabuhan Labuan, D/A Jabatan Laut Wilayah Labuan & Laut China Selatan, Jalan Merdeka, Peti Surat 815005, 87012 Wilayah Persekutuan Labuan

Tarikh : 4 April 2023

Masa : 10.00 Pagi

**Pegawai Dihubungi : Encik Awgku Muhammad Zulhilmi Bin Awg Ma'raj
No. Tel 086-232851/ 014-8807753**

Kegagalan penyebut harga untuk hadir ke lawatan tapak akan menyebabkan tawaran tidak dapat dipertimbangkan.

5.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop Kerja dan spesifikasi teknikal adalah seperti di **Lampiran A**.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI
DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

6.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokuman Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

Bil.	Perkara
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga
2	TAWARAN TEKNIKAL
	Lampiran A Skop Kerja & Spesifikasi Teknikal
3	TAWARAN KEWANGAN Lampiran B Borang Sebut harga (Lampiran Q) Lampiran C <i>Schedule Of Rates</i> Lampiran D Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah Lampiran E Keterangan Mengenai Syarikat Lampiran F Surat Akuan Pembida Lampiran G Surat Perwakilan Kuasa Lampiran H Pengalaman Syarikat Lampiran I Format Bon Pelaksanaan

7.0 SEBUT HARGA

- 7.1 Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan kepada mereka.
- 7.2 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani Borang Sebut harga. Borang Sebut harga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
- 7.3 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan.
- 7.4 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia**.
- 7.5 Sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana Sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan Sebut harga tidak dipertimbangkan.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI
DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

8.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 8.1 Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu, keupayaan sebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan/ pekerja dan prestasi kerja semasa penyebut harga.
- 8.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
 - (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn.Bhd;
 - (b) Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini;
 - (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - (d) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (e) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri;
 - (g) Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian; dan
 - (h) Satu (1) set Profil Syarikat.

9.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 9.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 6.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 8.2**.
- 9.2 **Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai ‘Asal’ atau ‘Original’ manakala satu (1) dokumen salinan dicop sebagai ‘Salinan’ atau ‘Duplicate’.**
- 9.3 **Para Penyebut harga HANYA DIBENARKAN** menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para penyebut harga **DILARANG SAMA SEKALI** menandakan/ meletakkan apa-apa nama dan/ atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/ identiti Penyebut harga di dalam satu (1) dokumen salinan tersebut.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

- 9.4 Kedua-dua salinan Dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

**SEBUT HARGA NO.: LPL/600/Q02/2023– SEBUT HARGA KERJA-KERJA
MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA
PELABUHAN LABUAN (SEBUT HARGA SEMULA)**

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyeput harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

pada atau sebelum jam 12 tengah hari pada hari yang dinyatakan dalam iklan Sebut harga. Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 9.5 Sebut harga menggunakan telegraf atau telek atau faks adalah tidak diterima sama sekali.
- 9.6 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 9.7 LPB tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyeput harga semasa menyedia dan menghantar sebut harga.
- 9.8 Syarikat-syarikat yang ingin berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://home.eperolehan.com.my> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di talian 03-7985 7777/ 03- 7985 7888 atau emel bantuan@eperolehan.gov.my.
- 9.9 Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web LPB di alamat <http://www.bpa.gov.my> .

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

10.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

- 10.1 Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh LPB dalam tempoh ini.
- 10.2 Penyebut harga adalah dipelawa untuk melawat laman web LPB untuk melihat keputusan sebut harga di http://www.bpa.gov.my/web/home/tender_result atau di Papan Notis Iklan LPB.

11.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- 11.4 Mana-mana kontraktor atau Penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

12.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 12.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran F)** bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI
DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

- 12.2 Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran G)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak LPB bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- 12.3 Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LPB juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

13.0 HARGA TAWARAN

- 13.1 Harga Tawaran penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B** dan **Lampiran C** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No. **LPL/600/Q01/2023 – Sebut Harga Kerja-Kerja Memasang Kabel Kuasa Elektrik Di Jeti Dermaga Merdeka, Lembaga Pelabuhan Labuan.**
- 13.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan KECUALI atas persetujuan kedua-dua pihak.
- 13.3 Borang Lampiran Q dan *Schedule Of Rates* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 13.4 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.
- 13.5 Penyebut harga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

13.5.1 *Nett Delivered:*

Ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pemunggahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

terakhir/ pengguna yang telah ditentukan.

13.5.2 *Free On Board (FOB)*:

Penyebut harga mesti memuat barang import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh LPB.

Semua barang import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barang (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.

Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

13.5.3 *Cost, Insurance & Freight (CIF)*:

Penyebut harga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barang ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak penyebut harga.

13.5.4 *Ex-Work (EXW)*:

Penyebut harga menjamin barang tersebut telah berada di premis penyebut harga dan penyebut harga bertanggungjawab ke atas semua kos.

13.5.5 *Free Carrier (FCA)*:

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barang diterima.

13.6 CUKAI PERKHIDMATAN

Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka LPB akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Perkhidmatan.

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

- 13.6.1** Penyebut harga hendaklah diberitahu bahawa pada bila- bila masa setelah berdaftar dengan JKDM , penyebut harga hendaklah memaklumkan LPB supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh LPB. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada LPB mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa- apa bayaran daripada LPB.
- 13.7** **LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana- mana tawaran.** Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh LPB sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.

14.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

LPB berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap sebut harga yang telah dibuka.

15.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum tarikh penutupan sebut harga, memaklumkan kepada LPB dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Interpretasi atau penjelasan ke atas Dokumen sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh LPB seperti dijelaskan dalam perkara 16 di bawah.

16.0 ADDENDA

Addenda mungkin dikeluarkan sebelum tarikh tutup sebut harga untuk menjelaskan maksud Dokumen Sebut harga ataupun untuk membuat perubahan ke atas syarat kontrak. Setiap addenda akan diedarkan kepada semua penyebut harga dan akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga. Penerimaan setiap addenda mestilah disahkan. Kegagalan untuk mengesahkan penerimaan setiap addenda akan mengakibatkan sebut harga ditolak.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

17.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

17.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

17.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

- vi) Lewat menyiapkan kerja
- vii) Tidak menepati spesifikasi
- viii) "Sub Kontrak" tanpa persetujuan LPB
- ix) Menerima dan memberi rasuah

17.3 Jenis-Jenis Tindakan/Hukuman

- x) Amaran
- xi) Denda
- xii) Penamatan kontrak
- xiii) Batal tajuk pendaftaran
- xiv) Gantung pendaftaran
- xv) Senarai hitam syarikat
- xvi) Merampas bon pelaksanaan

**18.0 HAK LPB APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN
TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

18.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, LPB boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

18.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh LPB. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

yang ditentukan, LPB boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada LPB;

- 18.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;
- 18.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan
- 18.1.4 mengenakan denda seperti mana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:

Jumlah Nilai Perolehan	Denda
Sehingga RM20,000.00	
RM20,000.00 – RM199,999.99	0.1 % daripada nilai perolehan
RM200,000.00 ke atas	

bagi setiap hari kelewatian (*calendar days*).

19.0 SURAT SETUJU TERIMA

- 19.1 LPB adalah berhak menyetujuterima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. LPB tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 19.2 Keputusan LPB adalah muktamad. LPB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga-penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 19.3 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan LPB sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga, maka suatu ikatan Kontrak telah terwujud antara penyebut harga dan LPB.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

20.0 BON PELAKSANAAN

- 20.1 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank dari bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia **sekiranya nilai perolehan melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja)**. Nilai Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:-
- 20.1.1 2.5% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak bernilai RM200,000.00 sehingga RM500,000.00.; atau
- 20.1.2 5.0% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak perkhidmatan yang bernilai RM500,000.00 atau lebih.
- 20.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
- 20.2.1 Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.3 Jaminan Insuran yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- 20.3 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) tawaran dikeluarkan. Kelewatan penyerahan bon pelaksanaan akan menyebabkan SST dibatalkan dan seterusnya kontrak ditamatkan. LPB adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan perlaksanaan sebut harga ini berjalan seperti yang dirancang.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

- 20.4 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menggunakan Format Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran I** tanpa sebarang pindaan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah tamat satu (1) tahun selepas tarikh tamat kontrak.

21.0 TAWARAN ALTERNATIF, SYARAT DAN KEPERLUAN

Penyebut harga hendaklah mengikuti dengan sepenuhnya kehendak-kehendak dan keperluan- keperluan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Sebut harga kecuali terdapat addenda- addenda yang dikeluarkan oleh LPB. Oleh yang demikian, penyebut harga adalah dilarang sama sekali untuk membuat apa-apa perubahan di dalam Dokumen Sebut harga dan Lampiran-Lampiran yang disertakan bersama sebut harga ini.

Jika penyebut harga ingin menetapkan terma, syarat atau keperluannya sendiri yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah terlebih dahulu menyiap dan mengemukakan sebut harganya yang lengkap yang mengikuti sepenuhnya kehendak-kehendak dalam Dokumen Sebut harga. Selepas itu, barulah penyebut harga menetapkan terma, syarat dan keperluannya yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga dalam surat depan semasa mengemukakan sebut harga, dan juga menyatakan dengan jelas akan kesan oleh terma, syarat dan keperluan yang ditetapkan itu ke atas Sebut harga ini jika LPB menerima terma, syarat dan keperluan tersebut.

22.0 BAYARAN KEPADA PENYEBUT HARGA

- 22.1 Bayaran kepada penyebut harga yang berjaya hanya akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah bekalan/ perkhidmatan/ kerja ini disemak dan disahkan telah dilaksanakan dengan sempurna oleh SO yang dilantik.
- 22.2 Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan borang Pesanan Tempatan (Local Order – LO) yang telah dilengkappan, bertandatangan, mempunyai cop syarikat dan ditarikhkan beserta inbois asal dan dokumen sokongan seperti *delivery note* kepada LPB untuk tujuan bayaran.”

23.0 IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/ media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh LPB terlebih dahulu.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

24.0 DOKUMEN ADALAH SULIT

Semua Dokumen Sebut harga adalah dianggap sulit dan persendirian.

25.0 DOKUMEN TIDAK BOLEH DICACATKAN

Dokumen Sebut harga hendaklah tidak dikoyak, dokumen-dokumen diasingkan di antara satu dengan yang lain dan tiada pertambahan atau pembetulan yang tidak sah dibuat dalam Borang Sebut harga atau mana-mana bahagian Dokumen Sebut harga selain daripada mengisi ruang kosong yang perlu diisi.

26.0 BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI SEBUT HARGA

- 26.1 Penyebut harga adalah dibenarkan untuk membuat bantahan secara bertulis kepada LPB dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapat spesifikasi sebut harga menjurus kepada sesuatu jenama.
- 26.2 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada LPB dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Dokumen Sebut harga mula dikeluarkan.
- 26.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

27.0 PEMATUHAN KEPADA KEHENDAK UNDANG-UNDANG

- 27.1 Penyebut harga adalah bertanggungjawab untuk mematuhi semua kehendak undang-undang, akta-akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa semasa mengisi dan menghantar sebut harga ini yang berkaitan dengan keselamatan (SOCSO), Perintah Gaji Minimum, Akta Imigresen dan akta lain-lain yang berkaitan.
- 27.2 Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyembunyi atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya seperti mana yang dinyatakan dalam **Perkara 17 : Pelanggaran Syarat-Syarat Sebut Harga**.

LAMPIRAN A: SKOP KERJA & SPESIFIKASI TEKNIKAL

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

LAMPIRAN A

1.0 SKOP KERJA

Skop kerja bagi sebut harga ini adalah membekal, menghantar, membuka, memasang, menguji, mentauliah serta kerja-kerja berkaitan untuk **Kabel Kuasa Elektrik di Jeti Dermaga Merdeka, Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL)**. Penyebut harga hendaklah menawarkan harga merangkumi kerja-kerja bekalan, perkhidmatan, pengangkutan, kos buruh dan segala kos berkaitan. Skop kerja adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran kerja tersenarai di **para 2.0**.

2.0 BUTIRAN KERJA

- 2.1 Kontraktor hendaklah membekal, menghantar, membuka, memasang, mendawai kabel kuasa **415 Volt 3 Fasa-PVC/SWA/PVC 16mm² x 4 core**. Jenis dan jenama kabel yang dibekalkan hendaklah mematuhi kehendak Jawatankuasa Kelulusan Bahan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Malaysia yang boleh dirujuk pada pautan <https://jmal.jkr.gov.my/emalv3/>. Anggaran panjang kabel adalah sepanjang 250 meter bermula dari meter kWh/ *Pillar Box* sedia ada yang berdekatan dengan Pengubah (*Transformer*) Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) ke Kabinet Papan Agihan Kuasa di Jeti Dermaga Merdeka, LPL.
- 2.2 Kontraktor hendaklah membuka serta menanggalkan kabel dan perkakasan yang lama di tapak, sebelum kerja pemasangan kabel yang baharu dilaksanakan. Kabel *armoured* baharu yang dipasang pada meter kWh/ *Pillar Box* sedia ada yang berdekatan dengan pengubah (*Transformer*) Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) menuju ke permulaan jeti akan ditanam di dalam tanah mengikut kesesuaian tempat.
- 2.3 Kontraktor hendaklah memastikan pendawaian liitar kuasa mengikut kod warna yang ditetapkan mengikut fasa untuk setiap pendawaian. Kabel PVC/SWA/PVC 16mm² x 4 core hendaklah dilindungi dengan sesalur paip *High Density Polyethylene* (HDPE). Penyambungan kabel diantara meter kWh/ *Pillar Box* sedia ada yang berdekatan dengan Pengubah (*Transformer*) SESB ke Kabinet Papan Agihan Kuasa Jeti (*Power Distribution Board*) adalah **tidak dibenarkan**.
- 2.4 Kontraktor hendaklah memastikan ketebalan minimum sesalur paip HDPE adalah 5 milimeter. Diameter dan jarak kelegaan sesalur paip HDPE hendaklah bersesuaian dengan jenis kabel yang dibekalkan dan mematuhi peraturan-peraturan bagi Pemasangan Elektrik dan Akta Bekalan Elektrik 1990 Pindaan Julai 2011.
- 2.5 Kontraktor hendaklah memasang pemegang/ *bracket*/ penyokong dan aksesori (*bolt plug*, *U-bolt* dan sebagainya) yang baharu jenis besi tahan karat (*Stainless Steel*) untuk sesalur HDPE di bawah jeti.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

LAMPIRAN A

- 2.6 Kontraktor hendaklah membekal dan memasang peralatan, peranti dan komponen yang perlu dan berkaitan untuk menghasilkan kerja dan operasi yang baik. Harga membekal dan memasang peralatan, peranti dan komponen tersebut hendaklah dirangkumkan ke dalam *Bill of Quantity (BQ)* sekiranya ada.
- 2.7 Kontraktor hendaklah menutup, membaiki semua kecacatan/ kerosakan mana-mana bahagian yang telah dibuka atau dipotong semasa melakukan pendawaian tersembunyi pada lantai konkrit termasuk di lokasi Kotak Fius Agihan (*Distribution Board, DB*).
- 2.8 Kontraktor hendaklah memastikan semua peralatan dan aset yang dipindahkan/ dialih semasa kerja dilaksanakan di tempatkan semula ke lokasi asal setelah kerja-kerja selesai. Sebarang perubahan lokasi peralatan atau aset hendaklah dimaklumkan kepada *Superintending Officer (S.O)*.
- 2.9 Kontraktor hendaklah melakukan kerja pengujian yang diperlukan seperti ujian rintangan dan yang ujian berkaitan mengikut tatacara Suruhanjaya Tenaga. Laporan serta keputusan ujian hendaklah disahkan oleh orang yang kompeten serta diperakui oleh Suruhanjaya Tenaga.
- 2.10 Kontraktor hendaklah menyediakan lukisan skematik yang lengkap, tepat dan terkini untuk semua litar baharu pendawaian yang di buat. Lukisan skematik tersebut hendaklah disahkan oleh orang yang kompeten dan diserahkan kepada S.O setelah semua kerja siap dilaksanakan.
- 2.11 Kontraktor hendaklah menyerahkan semua Laporan pengujian yang lengkap dan tepat kepada S.O setelah semua kerja siap dilaksanakan.

3.0 KEHENDAK AM

- 3.1 Kontraktor hendaklah menggunakan bahan, peralatan elektrik dan aksesori yang baharu dan bersesuaian dengan sistem bekalan tempatan. LPL berhak untuk menolak bahan, peralatan elektrik dan aksesori yang digunakan tidak mengikut ketetapan dan kehendak spesifikasi. Sebarang pertambahan kos adalah di bawah tanggungjawab kontraktor.
- 3.2 Kontraktor hendaklah memastikan semua bahan - bahan dan peralatan (*Hardware*) elektrik yang digunakan telah diperakui dan diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga atau SIRIM atau IEC.
- 3.3 Kontraktor hendaklah memastikan bahan-bahan dan peralatan elektrik yang tidak mempunyai perakuan dan kelulusan Suruhanjaya Tenaga atau SIRIM atau IEC disokong penggunaan dengan mengemukakan perakuan bertulis dari pengedar dan diperaku oleh

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

LAMPIRAN A

Jurutera Elektrik. Jurutera Elektrik yang memperaku hendaklah orang yang kompeten dan diperakui oleh Suruhanjaya Tenaga atau IEC.

- 3.4 Kontraktor hendaklah memastikan kerja pembersihan (*housekeeping*) tapak kerja dilakukan setelah kerja selesai dilaksanakan. Semua sisa-sisa kerja hendaklah dikeluarkan dari tapak kerja dan dibuang ke tempat pembuangan sisa yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan.
- 3.5 Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan akibat kecuaian pihak kontraktor pada mana-mana bahagian atau struktur tapak kerja. Segala kos yang berkaitan untuk membaiki dan mengganti kerosakan itu adalah di bawah tanggungjawab kontraktor.
- 3.6 Penyebut harga **WAJIB** melawat tapak dan memastikan kerja-kerja yang bakal terlibat telah dikenalpasti sebelum menawarkan sebarang sebut harga. Sebut harga yang ditawarkan hendaklah merangkumi kerja-kerja bekalan, perkhidmatan, pengangkutan, kos buruh dan segala kos berkaitan. Sebarang kesilapan harga yang diberikan adalah tanggungjawab penyebut harga sendiri.

4.0 PERATURAN-PERATURAN

- 4.1 Kerja-kerja pemasangan yang dijalankan hendaklah mematuhi Undang-undang, Undang-undang Kecil, Peraturan-peraturan, dan Pekeliling-pekeliling berkuatkuasa dan terkini yang dikeluarkan oleh: -
 - 4.1.1 Suruhanjaya Tenaga;
 - 4.1.2 Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan;
 - 4.1.3 Jabatan Bomba Dan Penyelamat;
 - 4.1.4 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
 - 4.1.5 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik; dan
 - 4.1.6 Pihak Berkuasa Tempatan.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

LAMPIRAN A

- 4.2 Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah mengikut peraturan-peraturan berkuatkuasa dan terkini di dalam:-
- 4.2.1 Electrical Ordinance;
 - 4.2.2 *Regulations of the Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB);*
 - 4.2.3 IEE Regulations;
 - 4.2.4 *British Standard (B.S) dan Codes of Practice oleh B.S.I;*
 - 4.2.5 S.I.R.I.M Standard;
 - 4.2.6 Peraturan-peraturan Elektrik 1994;
 - 4.2.7 Spesifikasi Standard JKR Cawangan Elektrik;
 - 4.2.8 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447);
 - 4.2.9 Undang-undang Kecil Seragam Bangunan Semasa; dan
 - 4.2.10 '*Standards and Codes of Practice*' berkenaan yang dikeluarkan oleh SIRIM/ Jabatan Standard.

5.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 5.1 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menyempurnakan semua kerja dalam tempoh **Sembilan Puluh (90) hari** mulai tarikh pengeluaran Arahan Mula Kerja oleh LPL.

6.0 TEMPOH JAMINAN DAN KHIDMAT LEPAS JUALAN

- 6.1 Tempoh jaminan setiap peralatan dan perkakasan yang dibekalkan untuk sebut harga ini adalah selama satu (1) tahun. Kontraktor hendaklah memberi khidmat lepas jualan dan sokongan teknikal selama tempoh jaminan ini.
- 6.2 Sebarang kos penghantaran, penukaran, pemasangan dan pengujian adalah dibawah tanggungjawab pihak kontraktor. Sebarang kerosakan kepada peralatan dan perkakasan dalam tempoh jaminan hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan semua kos berkaitan seperti kos penghantaran, penukaran, pemasangan dan pengujian adalah dibawah tanggungjawab kontraktor.
- 6.3 Kontraktor hendaklah menyediakan alat ganti sementara (*on-loan item*) untuk peralatan dan perkakasan yang rosak sebelum perkakasan dibaiki atau diganti dengan alat ganti yang baharu.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

LAMPIRAN A

7.0 KESELAMATAN DAN PERMIT KERJA

- 7.1 Kontraktor hendaklah mematuhi semua prosidur keselamatan LPL dan Megah Port Management Sdn. Bhd. (MPM) semasa melaksanakan kerja di tapak.
- 7.2 Kontraktor hendaklah memohon kelulusan permit kerja dari pihak LPL dan MPM sebelum memulakan sebarang kerja di tapak. Kegagalan kontraktor mematuhi prosidur ini boleh menyebabkan kerja-kerja di tapak tidak dapat dilaksanakan.
- 7.3 Kontraktor adalah bertanggungjawab penuh terhadap pekerjanya sekiranya berlaku sebarang kemalangan.

8.0 TEMPAT PENYIMPANAN SEMENTARA

- 8.1 Tempat penyimpanan sementara untuk bahan atau peralatan pihak kontraktor di tapak kerja tidak disediakan. Pihak kontraktor boleh memohon kebenaran S.O secara bertulis sekiranya perlu.
- 8.2 LPL tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan bahan atau peralatan yang di simpan di tapak kerja. Pihak kontraktor tidak boleh menjadikan alasan kehilangan bahan-bahan dan peralatan di tapak kerja sebagai punca kelewatan menyiapkan kerja dan memohon pertambahan masa untuk tempoh siap kerja.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA
MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

LAMPIRAN A

9.0 LOKASI KERJA

9.1 Lokasi kerja adalah di **Jeti Dermaga Merdeka, Lembaga Pelabuhan Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.**



LAMPIRAN B: BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

BORANG SEBUTHARGA

Bila menjawab, sila nyatakan
nomor ini

No. Sebutharga
LPL/600/Q02/2023

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI SARAWAK

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN/KERJA

Kepada (Nama Syarikat)

No. Telefon :
No. Pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan :
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini:

Gred : G1
Kategori : Mechanical & Electrical Engineering
Pengkhususan : E04- Pemasangan Voltan Rendah; Atau
E11- Kerja -Kerja Am Elektrik; Atau
E17- Kabel Bawah Tanah Voltan Rendah

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
Tingkat 8, 9 & 10 Menara Kidurong
KM 12, Jln Tanjung Kidurong
Peti Surat 296
97007 Bintulu
Sarawak
Malaysia

No. Telefon : 086-253888
Tarikh : 29 Mac 2023

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan/kerja yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-

- | | | | |
|-----|---|---|------------------------------------|
| 1.1 | Syarat Penyerahan/ Penyempurnaan | : | Rujuk Lampiran |
| 1.2 | Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki | : | Rujuk Lampiran |
| 1.3 | Arahan pengiriman | : | Rujuk Lampiran |
| 1.4 | Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda | : | No. Sebutharga
LPL/600/Q02/2023 |

1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada
17.4.2023

Jam 12.00 tengahari

1.6 Tempoh sahluh sebutharga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan
Nama Pegawai
Jawatan
Tarikh

Mizool Amir Bin Mat Druis
Pengurus Besar
29 Mac 2023



2. Jadual Sebutharga:-

Bil	Perihal barang-barang/ perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas (Spesifikasi)	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan					Untuk diisi oleh Penyebut Harga
	Rujuk Lampiran "Bill Of Quantities" * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan				Jumlah

- 2.1. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
2.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan/kerja di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebutharga

Namadan K/P

Alamat Syarikat

Tarikh

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan

2. **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG-BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PENYETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

6. **PEMERIKSAAN**

- (iii) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (iv) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudarangkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkinan kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut

LAMPIRAN C: RINGKASAN TAWARAN HARGA / BILL OF QUANTITY

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

LAMPIRAN C

BILL OF QUANTITY

BIL.	PERKARA	KUANTITI	JENAMA DITAWARKAN	HARGA/METER (RM)	JUMLAH (RM)
1	Membekal kabel kuasa 415 Volt 3 Fasa-PVC/SWA/PVC 16mm ² x 4 core (Anggaran panjang; 250 meter). Ukuran sebenar ketika Lawatan Tapak = _____ meter	_____ meter			
2	Membekal sesalur paip High Density Polyethylene, HDPE (Anggaran panjang; 250 meter). Ukuran sebenar ketika Lawatan Tapak = _____ meter	_____ meter			
3	Kejaya - kerja mendawai kabel kuasa (Lay Cable) 415 Volt 3 Fasa-PVC/SWA/PVC 16mm ² x 4 core yang baharu, perkakasan aksesori berkaitan dan kerja menanam kabel di dalam tanah dan menarik kabel didalam sesalur HDPE	1 Lot			
4	Kejaya - Kerja Penyambungan Pengalir (Cable Termination) pada punca kuasa Jeti dan mendawai semula Papan Agihan di Jeti Merdeka	1 Lot			

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

LAMPIRAN C

BIL.	PERKARA	KUANTITI	JENAMA DITAWARKAN	HARGA/METER (RM)	JUMLAH (RM)
5	Kerja-kerja membuka serta menanggalkan kabel dan perkakasan yang lama di tapak.	Lump Sum			
6	Kejaya memasang pemegang/ bracket/ penyokong dan aksesori (bolt plug, U-bolt dan sebagainya) yang baharu jenis besi tahan karat (Stainless Steel) untuk sesalur HDPE di bawah Jeti.	Lump Sum			
TEMPOH PENYERAHAN HENDAKLAH WAJIB DIISI DI RUANGAN SEPERTI BERIKUT:					JUMLAH KESELURUHAN
Tempoh penyerahan/ kontrak : (*hari / minggu / bulan) <small>*Sila Potong mana yang tidak berkenaan</small>					SST (6%)
JUMLAH KESELURUHAN <small>**Nota: Sila isi jumlah keseluruhan pada barang sebutharga di Lampiran B.</small>					
Ringgit : Malaysia

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

LAMPIRAN C

**Nota:
Lembaga Pelabuhan Bintulu berhak menambah atau mengurang jumlah bilangan kerja/ bekalan/ perkhidmatan mengikut keperluan. Jumlah bilangan kerja/ bekalan/ perkhidmatan adalah dimuktamadkan apabila Surat Setuju Terima dikeluarkan

MAKLUMAT SYARIKAT			
Nama Syarikat	:		
Alamat Syarikat	:		
Nama Pengurus	:		
MAKLUMAT SYARIKAT (sambungan)			
No. Telefon	:	No. Faks	:
Person-in-charge	:	No. Pendaftran SST (Sekiranya ada)	:
Hadir/Tidak	Hadir	Lawatan	: Tarikh/Masa tapak
Cop Rasmi Syarikat			

SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

LAMPIRAN C

MAKLUMAT PERBANKAN	
Nama Bank	: Cawangan Bank :
Nama Akaun Bank	: Nombor Akaun Bank :
Alamat e-mel bahagian penerimaan bayaran	:

LAMPIRAN D: PERNYATAAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

PERNYATAAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH KEPADA SYARIKAT/ KONTRAKTOR/ FIRMA PERUNDING/ PENJAWAT AWAM ATAU MANA-MANA PIHAK YANG BERKAITAN

1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak yang terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
4. Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan yang diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

LAMPIRAN E: KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

1. **Nama Syarikat** :
2. **Alamat Syarikat** :
3. **Alamat Premis Perniagaan (Jika berlainan dengan alamat syarikat)** :
.....
.....
4. **Nombor Telefon** :
5. **Nombor Faksimili** :
6. **Alamat E-mel** :
7. **Tarikh Syarikat Ditubuhkan** :
8. **Jenis Perniagaan** :
9. **Lembaga Pengarah** :

Bil.	Nama	No. K/P	Warganegara
(i)			
(ii)			
(iii)			
(iv)			
(v)			
(vi)			
(vii)			

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

10. Nama Bank :
11. Alamat Bank :
12. Modal Berbayar :
13. Modal Yang Dibenarkan :
14. Kemudahan/ Nilai Overdraft :
15. Komposisi Modal :

Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

	Bilangan Pemegang Saham	Jumlah Unit Saham	%
(a) Bumiputera			
(b) Bukan Bumiputera			

16. Komposisi Kakitangan :

	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
(a) Eksekutif			
(b) Teknikal			
(c) Perkeranian			
(d) Buruh/ Kakitangan Rendah			

17. Taraf Syarikat (sila tanda (x) di petak yang berkenaan)

- (a) Bumiputera Bukan Bumiputera
(b) Syarikat Tempatan Luar Negeri

18. Sebut harga Dengan Kerajaan/ Lembaga pelabuhan bintulu Yang Telah Tamat Tempohnya :

Jika penyebut harga pernah mengikut kontrak dengan Kerajaan Malaysia atau Lembaga pelabuhan bintulu pada masa lalu, sila berikan butir-butir kontrak berkenaan dalam Borang Pengalaman Syarikat di **Lampiran H**.

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

19. **Sebutharga Dengan Kerajaan atau Lembaga pelabuhan bintulu Yang Pernah Ditamatkan Atau Digantung :**

Jika penyebutharga pernah mengikut kontrak dengan mana-mana Jabatan Kerajaan atau Lembaga pelabuhan bintulu tetapi sebutharga itu telah ditamatkan atau digantung kerana perlanggaran syarat-syarat sebutharga, sila berikan butir-butir mengenai sebutharga berkenaan :

.....
.....

20. **Lain-Lain Keterangan Mengenai Sebutharga :**

.....
.....

Saya mengaku bahawa segala keterangan di dalam adalah benar :

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

LAMPIRAN F: SURAT AKUAN PEMBIDA

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

LPL/600/Q02/2023- SEBUT HARGA KERJA-KERJA MEMASANG KABEL KUASA ELEKTRIK DI JETI DERMAGA MERDEKA, LEMBAGA PELABUHAN LABUAN (SEBUT HARGA SEMULA)

Saya,.....nombor K.P.yang mewakili..... nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga pelabuhan bintulu atau mana-mana lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga pelabuhan bintulu atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan

3 Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan :* Potong mana yang tidak berkaitan.

LAMPIRAN G: SURAT PERWAKILAN KUASA

SURAT PERWAKILAN KUASA

Pengurus Besar
Lembaga pelabuhan bintulu
KM12, Jalan Tanjung Kidurong
Tingkat 9, Seksyen Kewangan
97000 Bintulu
Sarawak
(U/P : Urusetia Perolehan)

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya, No. K/P..... selaku pemilik syarikat akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan **Sebutharga LPL/600/Q02/2023- Sebut Harga Kerja-Kerja Memasang Kabel Kuasa Elektrik Di Jeti Dermaga Merdeka, Lembaga Pelabuhan Labuan (Sebut harga Semula) atau *mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:**

- a) Nama :
- b) Alamat :
- c) Jawatan :
- d) No.K/P :
- e) No. Telefon :
- f) No. Faks :
- g) Alamat Emel :

*Nota : *Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya syarikat diwakili oleh individu selain daripada pemilik syarikat.*

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman / rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Lembaga pelabuhan bintulu sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
Nama Pemilik Syarikat :
Jawatan :
Cop Syarikat :

LAMPIRAN H: PENGALAMAN SYARIKAT

BORANG PENGALAMAN SYARIKAT

- Nyatakan tender dan sebutharga berkaitan yang telah disiapkan atau dalam pelaksanaan (sekurang-kurangnya 3 tahun). Format adalah seperti berikut:

 1. **Tender dan Sebutharga berkaitan :**

Nyatakan tender dan sebutharga berkaitan yang telah disiapkan atau dalam pelaksanaan (sekurang-kurangnya 3 tahun). Format adalah seperti berikut:

Nota: Sila tambah helaihan baru jika ruang tidak mencukupi.

LAMPIRAN I: FORMAT BON PELAKSANAAN

LAMPIRAN I

CONTOH BON PELAKSANAAN

JAMINAN BANK / JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN (KONTRAK BEKALAN/ PERKHIDMATAN)

Sebagai balasan kepada Kontrak No./..... yang dibuat antara Lembaga pelabuhan bintulu. (Kemudian daripada ini dirujuk sebagai 'Lembaga') dan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi membekal/ menyerah/ melaksana/ menyiap (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan kontraktor, mengaku janji yang tidak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Lembaga ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Lembaga seperti berikut:-

1. Apabila Lembaga membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Lembaga nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira samada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia.....(nyatakan nilai jaminan dalam perkataan (RM)) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Lembaga di bawah Jaminan ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Lembaga berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia :(nyatakan nilai dalam perkataan) (RM.....) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Lembaga jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadarannya yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan samada dengan atau tanpa Persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujanji oleh kontraktor atau oleh sebarang penangguhan samada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh batal dan berkuatkuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Asal" (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) apabila diminta oleh Lembaga dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah aggregate maksimum yang Lembaga berhak di bawah Jaminan ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM)).
5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Jaminan ini hendaklah luput apabila Jaminan ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Lembaga telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.
6. **SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK / SYARIKAT KEWANGAN / SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAHLAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT MINGGU DARIPADA TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.**

Ditandatangani untuk dan bagi pihak
Penjamin di hadapan

]

] Nama :

] Jawatan :

] Cop Bank/SyarikatKewangan / Syarikat Insurans:

.....
(Saksi)

Nama :

Jawatan :

Cop Bank/SyarikatKewangan/Syarikat Insurans

LAMPIRAN J: SENARAI SEMAK SEBUT HARGA

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertaualiah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Perniagaan (ROB), yang mana berkenaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri (<i>Optional</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian (<i>Optional</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Satu (1) set Profil Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Borang berikut yang telah dilengkapkan dan ditandatangani sekiranya perlu :-		
9	Borang Sebutharga (Lampiran Q)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Ringkasan Tawaran Harga / Bill Of Quantity	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Keterangan Mengenai Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13	Surat Perwakilan Kuasa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14	Pengalaman Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar	Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).
Tandatangan:	Tandatangan Pembuka I:
Nama:	Nama:
Jawatan:	Jawatan:
Tarikh:	Tarikh:
Cop Syarikat:	Tandatangan Pembuka II:
	Nama:
	Jawatan:
	Tarikh:
	Tandatangan Pembuka III:
	Nama:
	Jawatan:
	Tarikh: